

PERANAN KELUARGA DALAM PEMBENTUKAN AKHLAK GENERASI MUDA KINI: SATU SOROTAN

THE ROLE OF FAMILY IN FORMING THE MORAL OF YOUNG GENERATION: A BRIEF STUDY

Nang Naemah Binti Nik Dahalan ¹

Mariam Farhana binti Md Nasir ²

Izzah Nur Aida Binti Zul Raffar ³

Nor Adina binti Abdul Kadir ⁴

Hamidah binti Jalani ⁵

^{1, 2, 3, 4, 5} Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka

Article history

Received date : 19-6-2025

Revised date : 20-6-2025

Accepted date : 25-7-2025

Published date : 15-8-2025

To cite this document:

Nik Dahalan, N. N., Md Nasir, M. F., Zul Raffar, I. N. A., Kadir, N. A. A. & Jalani, H. (2025). Peranan keluarga dalam pembentukan akhlak generasi muda kini: Satu sorotan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (74), 406 - 416.

Abstrak: Keluarga merupakan sebuah institusi yang penting dalam pembinaan akhlak generasi muda masa kini. Ia berfungsi sebagai tempat pertama anak-anak menerima pendidikan moral dan penerapan nilai-nilai murni. Dalam era globalisasi yang berkembang pesat masa kini, isu moral semakin meningkat disebabkan oleh pengaruh media sosial, persekitaran dan gaya hidup kontemporari. Maka, institusi keluarga menjadi semakin penting dalam mendidik anak-anak agar mempunyai tingkah laku yang baik dan berpegang teguh kepada prinsip budaya dan agama. Penulisan ini juga merujuk kepada kajian lepas yang berkaitan dengan peranan keluarga dalam pembentukan akhlak. Ia menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah tinjauan literatur untuk. Kajian ini menjelaskan cabaran yang dihadapi oleh keluarga dalam usaha membentuk keperibadian generasi muda yang berakhlak mulia. Ia juga melihat secara ringkas bagaimana peranan ibu bapa, komunikasi keluarga dan penerapan nilai rumah tangga mempengaruhi pembentukan akhlak anak-anak. Hasil akhir tinjauan ini akan meningkatkan kesedaran masyarakat tentang betapa pentingnya institusi keluarga untuk menghasilkan generasi yang bermoral dan bertanggungjawab.

Kata kunci: peranan keluarga, pembentukan akhlak, generasi muda

Abstract: The family is an important institution in building the morals of today's young generation. It functions as the first place where children receive moral education and the application of noble values. In today's rapidly growing era of globalization, moral issues are increasing due to the influence of social media, the environment and contemporary lifestyles. Therefore, the family institution is becoming increasingly important in educating children to have good behaviour and adhere to cultural and religious principles. This writing also refers to past studies related to the role of the family in the formation of morals. It uses a qualitative approach with a literature review method to. This study explains the challenges faced by

families in trying to shape the personality of the young generation with noble morals. It also briefly looks at how the role of parents, family communication and the application of household values influence the formation of children's morals. The results of this survey will increase public awareness of the importance of the family institution in producing a moral and responsible generation.

Keywords: *family role, moral formation, young generation*

Pendahuluan

Keluarga merupakan suatu bentuk hubungan yang paling asas dan pertama dalam kehidupan seorang insan. Keluarga merupakan tempat pertama anak-anak untuk mengenal dunia, belajar nilai dan norma kehidupan serta adab yang akan membentuk keperibadian serta akhlak mereka (Zur Raffar et al., 2021). Akan tetapi, peranan keluarga menjadi semakin penting dan tidak dapat dipandang remeh dalam pembinaan generasi moden yang kini berdepan dengan pelbagai cabaran sosial (Zur Raffar et al., 2022). Antara cabaran sosial yang biasa diperlihatkan ialah pengaruh dari media massa dan teknologi, pengaruh rakan sebaya dan pengaruh budaya luar seperti hedonisme. Fenomena ini berlaku ekoran perubahan cara hidup dalam arus kemodenan yang memberi kesan kepada sikap dan tingkah laku mereka. Anak-anak remaja mudah terdedah kepada pelbagai unsur yang mempengaruhi pemikiran dan tingkah laku seharian (Abd Majid et al., 2023).

Institusi keluarga dilihat sebagai salah satu aspek penting yang perlu diberi perhatian memandangkan ia memainkan peranan penting dalam masyarakat (Raffar et al., 2024). Ibu bapa berperanan dalam mendidik, membimbing dan membentuk akhlak mulia dalam diri anak-anak (Jamaluddin & Kiprawi, 2004). Ini kerana mereka adalah orang yang paling hampir dengan anak-anak sejak lahir. Pendidikan awal seperti menghormati orang tua, bersopan santun, bercakap jujur dan sikap bertanggungjawab akan dibawa oleh anak-anak ini semasa mereka berinteraksi di luar lingkungan keluarga. Selain dari yang dinyatakan di atas, pendidikan yang diberi hendaklah juga meliputi penekanan kepada aspek keimanan, rohani, akhlak, jasmani, mental dan sosial. (Suhid & Abah, 2021; Bohari & Mohd Yusof, 2020). Oleh itu, bagi memastikan nilai-nilai murni yang menjadi asas keharmonian masyarakat terus wujud, keluarga perlu memainkan peranan yang lebih aktif, berterusan dan bijaksana dalam membentuk benteng akhlak generasi kini.

Menurut (Suhid & Abah, 2021), al-Ghazali telah mengetengahkan pembentukan akhlak yang bersifat teoretikal dan praktikal. Peringkat awal cara pendidikan akhlak adalah bermula pada peringkat bayi dan kemudian akan berkembang sehingga ke peringkat dewasa. Justeru, penekanan utama diberi di peringkat anak-anak kerana anak-anak pada peringkat tersebut lebih mudah dibentuk. Hal ini sangatlah bersesuaian dengan peribahasa melayu yang berbunyi “*melentur buluh biarlah dari rebungnya*” yang bermaksud mendidik anak-anak biarlah dari kecil lagi.

Metodologi

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis peranan institusi keluarga dalam pembentukan akhlak generasi muda. Bagi mencapai objektif ini, kaedah yang sesuai digunakan pendekatan kualitatif melalui penyelidikan perpustakaan. Penulisan dalam jurnal, buku dan artikel akhbar lain yang boleh dipercayai telah diteliti. Skop masa kajian tertumpu kepada tahun yang terkini.

Akhlak dalam konteks pembentukan insan

Akhlak adalah asas kepada kesempurnaan kehidupan manusia. Ia berasal dari perkataan di dalam bahasa arab iaitu *al-akhlak* dan jamaknya dari kalimah *al-khuluk* yang bermaksud perangai atau tabiat, Definisi akhlak menurut al-Ghazali ialah sifat yang tertaman di dalam jiwa dan darinya akan terbentuk perbuatan dengan mudah tanpa memerlukan kepada pertimbangan fikiran. Menurut Ibn Maskawaih akhlak ialah keadaan jiwa yang mendorong untuk melakukan sesuatu perbuatan tanpa memerlukan pertimbangan fikiran. Nilai akhlak adalah sebagai kawalan sosial bagi orang Islam dalam mengawal tindak tanduk dan perilaku. Skop akhlak dijelaskan di dalam tiga bentuk hubungan iaitu hubungan dengan Allah SWT, hubungan sesama manusia dan hubungan dengan alam sekitar. Hubungan dengan Allah SWT berada pada kedudukan yang tinggi dalam hidup manusia. Hubungan ini menjadi penentu kepada akhlak terhadap manusia dan alam sekitar. Ini kerana Allah SWT merupakan pemilik dan penguasa alam ini. Sifat ikhlas, ihsan, bertakwa dan bersyukur merupakan salah satu manifestasi cara berakhlak dengan Allah SWT.

Akhlak sesama manusia merujuk kepada akhlak terhadap manusia yang berada di sekeliling kita dan juga akhlak terhadap diri sendiri. Kehidupan bermasyarakat menjadi manifestasi bentuk hubungan ini. Sikap saling membantu, berkasih sayang, bersangka baik dan berlaku adil merupakan antara tidak tanduk yang terpuji dalam membentuk hubungan bersama masyarakat sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud “*tidak beriman seorang kamu sehingga dia mengasihi saudaranya sepertimana dia mengasihi dirinya sendiri*”. Dalam merangka hubungan yang baik dengan Allah SWT dan sesama manusia, hubungan bersama alam sekeliling juga hendaklah diambil perhatian. Ajaran Islam sangat melarang keras terhadap manusia yang merosakkan alam sekitar. Justeru, manusia sebagai khalifah hendaklah menggunakan akal dengan bijak dalam mentadbir dan memakmurkan alam ini. Flora dan fauna merupakan sumber makanan kepada manusia itu sendiri.

Dari sudut pandangan masyarakat berbagai kaum di Malaysia akhlak adalah terkait dengan sikap berbudi pekerti, bertatatusila dan beretika. Budi pekerti adalah lambang kepada keluhuran akhlak itu sendiri. Sikap sopan santun, hormati, tolong menolong dan berdisiplin menjadi budaya di dalam masyarakat pelbagai di Malaysia. Perilaku ini adalah sejajar dengan nilai-nilai yang telah digariskan di dalam ajaran Islam yang bersifat universal. Justeru, anak-anak amatlah memerlukan bimbingan dan panduan bagi membentuk jati diri yang kukuh untuk menangkis pengaruh negatif yang boleh merosakkan masa depan mereka. Pendidikan awal yang paling memberi kesan terhadap jiwa anak-anak adalah bermula daripada ibu bapa mereka di rumah kemudian diperkuatkan oleh institusi pendidikan dan masyarakat (Bohari & Mohd Yusof, 2020). Pengutusan Rasulullah SAW kepada umat manusia adalah untuk menyempurnakan akhlak yang mulia. “*Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia*”.

Akan tetapi dalam usaha menerapkan nilai-nilai akhlak bukanlah mudah. Hal ini kerana menurut laporan statistik yang dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia menyatakan jumlah kes jenayah membabitkan pesalah muda meningkat 37.5 peratus pada 2021 berbanding tahun sebelumnya (Samudin & Hanafi, 2023). Justeru, perkara ini secara langsung menjelaskan keruntuhan akhlak seperti pergaulan bebas, aktiviti pelacuran dan zina dilihat semakin meningkat dan berleluasa (Ismail et al., 2022). Maka, penerapan nilai pendidikan Islam merupakan elemen yang sangat kukuh untuk mengekang diri daripada segala unsur negatif. Selain dari peranan institusi keluarga, pelaksanaan program kerohanian yang menumpukan kepada pengukuhan akidah, ibadah dan akhlak dilihat menjadi platform penting dalam

mempersiapkan remaja agar memiliki kualiti hidup dari aspek pembangunan nilai (Mohd Haridi et al., 2019).

Peranan institusi keluarga sebagai model teladan

Pembentukan nilai akhlak bukanlah merupakan suatu perkara yang sukar untuk diterapkan, bahkan pada masa yang sama ia juga bukanlah perkara yang mudah untuk dibentuk dalam diri anak-anak. Di peringkat keluarga, ibu bapa biasanya akan berperanan sebagai *qudwah hasanah* kepada anak mereka. Hal ini kerana anak-anak akan cenderung untuk mengikut segala perlakuan dari ibu bapa mereka sendiri. Hubungan kekeluargaan merupakan faktor utama dalam membantu perkembangan anak untuk menjadi manusia yang berakhlak (Othman et al., 2016). Antara beberapa peranan yang boleh diambil oleh institusi keluarga ialah:

1. Menyediakan pendidikan moral dan agama

Ibu bapa bertanggungjawab untuk memberikan pendidikan agama dan moral kepada anak-anak. Anak-anak dapat dibentuk dengan lebih baik dengan adanya penekanan ajaran agama yang kukuh (Zur Raffar et al., 2021). Hal ini akan menyediakan anak-anak untuk membezakan batas-batas pelakuan di sekeliling. Sebagai contoh, mengajar anak-anak nilai seperti tanggungjawab, kejujuran, dan hormat kepada orang lain dapat diterapkan dalam penekanan kepada pendidikan tersebut. Selain memberikan pendidikan formal kepada anak-anak, ibu bapa juga bertanggungjawab dalam pendidikan tidak formal. Ibu bapa boleh mendidik anak-anak mengenai kemahiran hidup seperti kemahiran berkomunikasi dan asas keagamaan. Misalnya, ibu bapa yang beragama Islam boleh mengajar anak-anak mereka cara solat, membaca Al-Quran dan memahami ajaran agama (Salleh, 2024). Ajaran agama membimbing seseorang dalam membuat keputusan yang baik serta membentuk akhlak yang luhur.

2. Menjadi tauladan yang baik kepada anak

Ibu bapa menjadi cermin kepada anak-anak. Hal ini boleh dilihat di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA, bahawa Nabi SAW bersabda bermaksudnya: *“Tidaklah dilahirkan seorang anak itu melainkan dia lahir dalam keadaan fitrah. Maka kedua ibubapanya yang menjadikannya beragama yahudi atau menjadikannya beragama nasrani atau menjadikannya beragama majusi”* (Abdullah, 2022). Anak-anak akan meniru setiap perkara yang dilakukan oleh ibu bapa dan ahli keluarga mereka. Ibu bapa yang penyayang, sabar dan jujur akan memberi contoh yang baik kepada anak-anak. Anak-anak akan mendapat tauladan yang lebih baik daripada keluarga yang bahagia. Perkembangan akhlak anak-anak boleh terjejas sekiranya terjadi perbalahan dan konflik di dalam sesebuah keluarga.

3. Meningkatkan komunikasi bersama ibu bapa dan anak

Hubungan yang baik antara ibu bapa dan anak akan membantu membina kepercayaan dan kefahaman. Komunikasi yang baik membolehkan ibu bapa memahami keperluan dan masalah anak-anak serta memberikan nasihat dan bimbingan yang bersesuaian. Anak-anak yang diberi perhatian dalam komunikasi akan lebih cenderung untuk melaksanakan prinsip murni dalam kehidupan mereka. Manakala, anak-anak yang tidak diberi peluang untuk bercakap atau meluahkan perasaan dalam keadaan yang mereka rasakan perlu untuk meluahkan atau menjelaskan kepada ibu bapa akan cenderung untuk bertindak mengikut naluri mereka sendiri kerana merasakan tidak perlu untuk mendapatkan pandangan dari ibu bapa mereka (Ithnin, 2021). Ibu bapa juga hendaklah memantau aspek penggunaan media sosial dan pergaulan anak-anak. Hal ini untuk mengelakkan berlakunya jurang komunikasi apabila anak-anak terlalu memberi tumpuan kepada media sosial dan juga dapat mengelakkan anasir negatif daripada terpengaruh dari rakan sebaya yang tidak elok.

4. Asuhan dan didikan awal semasa kecil

Keluarga adalah tempat pertama di mana seorang anak akan menerima asuhan dan didikan. Ibu bapa bertanggungjawab memberikan tunjuk ajar berkenaan dengan nilai moral, tingkah laku sopan santun dan etika dalam kehidupan seharian. Didikan sedari awal akan membantu anak-anak membentuk peribadi yang positif serta menghindari perlakuan negatif (Mohamad & Zailan, 2023). Anak-anak mendapat manfaat apabila persekitaran keluarga dipenuhi dengan kasih sayang. Ini secara tidak langsung akan membantu membentuk kestabilan emosi. Anak-anak yang mendapat asuhan, didikan perhatian dan kasih sayang akan mempunyai akhlak yang baik. Hal ini akan membantu anak membezakan antara baik dan buruk sebelum terdedah kepada pengaruh luar.

5. Pemantauan dan bimbingan berterusan

Dalam era digital kini, anak-anak amat mudah terpengaruh dengan pelbagai unsur negatif daripada media sosial dan persekitaran mereka. Oleh itu, pemantauan dan bimbingan berterusan daripada ibu bapa amat diperlukan bagi memastikan mereka tidak terjerumus dalam gejala sosial yang tidak sihat ini (Daud, 2021). Ibu bapa perlu bijak dalam mengawal penggunaan teknologi dalam kalangan anak-anak serta mendidik mereka tentang kepentingan mengamalkan nilai-nilai murni dalam setiap aspek kehidupan. Hal ini akan dapat membentuk disiplin dan tanggungjawab di atas setiap tindakan yang akan dilakukan oleh anak-anak tersebut (Salleh, 2024).

Kesimpulannya, institusi keluarga memainkan peranan yang amat penting dalam membentuk sahsiah, nilai murni dan jati diri anak-anak. Keluarga yang harmoni, bertanggungjawab dan berpegang pada prinsip agama akan melahirkan generasi yang berdisiplin serta beretika tinggi. Dalam dunia pada ketika ini, teladan yang ditunjukkan oleh ibu bapa dan ahli keluarga mampu menjadi benteng kukuh daripada gejala sosial dan pengaruh negatif. Oleh itu, ibu bapa harus sedar akan tanggungjawab masing-masing demi memperkukuh institusi keluarga dan seterusnya menyumbang kepada keharmonian masyarakat dan imej negara.

Cabaran keluarga dalam era globalisasi kini

Dalam menelusuri era globalisasi yang serba mencabar ini, institusi keluarga berdepan dengan pelbagai tekanan dan perubahan yang boleh menjejaskan keharmonian serta kestabilan hubungan antara satu sama lain. Pengaruh teknologi terkini, perubahan gaya hidup yang moden dan tuntutan kerjaya yang tinggi menjadi antara faktor utama yang menguji keutuhan sesebuah keluarga. Jika ketika dahulu keluarga berfungsi sebagai unit sosial utama yang menjamin kestabilan emosi dan moral, kini peranan itu semakin terhakis akibat arus permodenan yang sukar dibendung. Justeru, adalah penting untuk kita meneliti cabaran-cabaran yang dihadapi oleh keluarga masa kini agar dapat memastikan institusi ini terus utuh dalam mendepani zaman yang kian mencabar.

Antara beberapa cabaran yang menjadi penghalang kepada pembentukan akhlak yang baik ialah pengaruh rakan sebaya dan penggunaan teknologi yang keterlaluan (Othman et al., 2016). Selain dari pengaruh rakan dan penggunaan teknologi yang keterlaluan, masalah akhlak dalam kalangan generasi muda juga disebabkan oleh persekitaran yang negatif, kekurangan didikan agama dan pengawasan dari ibu bapa. Kesannya remaja akan terjebak dalam budaya negatif seperti merokok, penyalahgunaan dadah, atau terlibat dalam kegiatan jenayah (Pengarang, 2025) (Rahim, 2023). Bagi mengatasi masalah ini, seharusnya pihak keluarga, sekolah dan masyarakat sama-sama memberikan kerjasama (Ruzairi & Jasmi, 2022).

Generasi muda kini boleh mengakses pelbagai bentuk maklumat hasil dari kemajuan teknologi. Maka, secara tidak langsung mereka adalah terdedah kepada kandungan negatif tanpa bimbingan sehingga boleh menjejaskan moral mereka. Sesetengah kajian menunjukkan bahawa penyalahgunaan teknologi oleh remaja boleh menyebabkan masalah moral yang serius. Jika contoh teladan yang baik tidak dapat disediakan untuk generasi muda kini, maka kehidupan seharian mereka akan menjadikannya lebih sukar untuk memupuk sifat positif di mana media-media luar sering menyiarkan perilaku yang negatif (Khoir, 2022). Oleh itu, pendidikan moral yang baik adalah penting untuk membina etika generasi muda. Jika nilai-nilai agama dimasukkan ke dalam kurikulum sekolah, ia boleh membantu remaja mengembangkan tingkah laku yang baik dan mengelak daripada melakukan perkara yang tidak baik (Zainudin, 2013).

Faktor utama yang menyumbang kepada keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja Muslim Malaysia dikenal pasti ialah kurangnya didikan agama dan keluarga yang bermasalah. Peranan ibu bapa penting kerana apabila ibu bapa memainkan peranan dengan baiknya, masalah yang berkaitan dengan remaja tidak akan berlaku (Pengarang, 2018; Riffin, 2023). Kajian menunjukkan bahawa beberapa faktor yang menyebabkan remaja Muslim terjebak dalam masalah keruntuhan akhlak termasuk keluarga yang tidak stabil, nilai pendidikan yang rendah, teknologi yang semakin meningkat, dan pengaruh rakan sebaya (Ismail et al., 2022).

Anak-anak yang ibu bapa mereka bercerai sering mengalami kebimbangan, kemurungan, dan tekanan emosi. Anak-anak boleh mengalami perasaan ketidakpastian dan ketidakstabilan kerana perubahan dalam struktur keluarga. Menurut kajian, perceraian menjejaskan perkembangan sosial dan emosi kanak-kanak (Jameelah & Hussin, 2023). Keruntuhan rumah tangga boleh menyebabkan perubahan dalam tingkah laku anak-anak seperti masalah disiplin, prestasi akademik yang lemah, dan peningkatan agresif. Kajian mendapati bahawa perceraian boleh menyebabkan kanak-kanak mempunyai tingkah laku yang buruk. Sumber kewangan keluarga sering berkurangan apabila keluarga bercerai, yang boleh menjejaskan kewangan anak-anak. Jika anak-anak tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi, mereka mungkin menghadapi masalah untuk memenuhi keperluan asas mereka dan mendapatkan pendidikan yang baik (Zainun et al., 2019; Zaki, 2019; Pa&Ma, 2021). Pada masa dewasa, anak-anak yang mengalami keruntuhan rumah tangga mungkin menghadapi kesukaran untuk membina hubungan yang sihat. Selain itu, mereka berisiko tinggi untuk mengalami masalah kesihatan sosial dan mental (Abdul et al., 2018).

Salah laku generasi muda kini

Generasi muda merupakan aset penting bagi masa depan sesebuah negara. Namun, dalam era globalisasi yang pesat ini, pelbagai cabaran dan pengaruh negatif telah menyebabkan peningkatan dalam kes salah laku dalam kalangan generasi muda. Isu ini menjadi kebimbangan masyarakat kerana ia bukan sahaja menjejaskan individu, tetapi juga memberi kesan kepada keharmonian sosial dan pembangunan negara. Golongan yang sepatutnya menjadi pelapis kepimpinan negara kini sering dikaitkan dengan gejala sosial seperti ponteng sekolah, penyalahgunaan dadah, buli, dan vandalisme. Berikut merupakan antara beberapa penyebab yang membawa kepada salah laku di dalam kalangan generasi kini:

1. Pengaruh media sosial dan teknologi

Perkembangan teknologi dan media sosial telah membawa pelbagai kesan kepada generasi muda. Walaupun ia mempunyai manfaat yang besar, penggunaan yang tidak terkawal boleh mendorong kepada masalah seperti ketagihan media sosial, penyebaran maklumat palsu, serta pendedahan kepada unsur negatif seperti buli siber, budaya hedonisme, dan jenayah dalam talian. Remaja yang terlalu terdedah kepada kandungan negatif di platform seperti TikTok, Instagram, atau YouTube mudah terpengaruh dengan gaya hidup hedonistik dan budaya barat yang tidak selaras dengan nilai masyarakat timur (Pengarang, 2024; Hamizi & Hamzah, 2023). Selain itu, penggunaan gajet tanpa kawalan juga menyebabkan mereka kurang bersosial secara sihat, hilang tumpuan terhadap pelajaran, dan terdedah kepada gejala seperti buli siber dan ketagihan permainan dalam talian. Tanpa pemantauan ibu bapa atau pendidik, media sosial boleh menjadi punca utama kemerosotan akhlak dan salah laku dalam kalangan remaja.

2. Masalah disiplin dan kurangnya rasa hormat

Salah laku seperti tidak menghormati ibu bapa, guru dan pihak berkuasa kini menjadi kebiasaan dalam kalangan generasi muda. Hal ini berpunca daripada kurangnya didikan agama, moral dan disiplin yang kukuh serta pengaruh budaya asing yang tidak sesuai dengan nilai tempatan. Tindakan seperti ponteng sekolah, melawan guru, berbicara kasar dengan ibu bapa dan tidak mematuhi peraturan mencerminkan kemerosotan nilai moral dalam diri remaja. Faktor ini mungkin berpunca daripada kelemahan didikan awal, pengaruh rakan sebaya atau ketiadaan sempadan yang jelas antara hak dan tanggungjawab. Apabila golongan muda tidak lagi menghormati autoriti atau orang yang lebih tua, nilai-nilai murni seperti adab, sopan santun, dan etika sosial akan terhakis. Hal ini bukan sahaja membentuk generasi yang tidak berdisiplin, malah menjejaskan kestabilan sosial dalam jangka panjang. Di antara kemuliaan akhlak itu adalah sikap hormat menghormati di antara satu sama lain. Kita dituntut untuk menghormati atau memuliakan ibubapa kita, bahkan kita dituntut untuk memuliakan orang yang lebih berusia daripada kita walaupun dia bukan daripada keturunan atau darah daging kita. Keadaan ini bersesuaian dengan hadith yang bermaksud *“Tidaklah orang yang muda itu apabila dia memuliakan orang yang tua disebabkan usianya, melainkan Allah akan menetapkan pada usia tuanya nanti akan ada orang yang memuliakannya.”* (Ayub, 2019)

3. Kurangnya kesedaran tentang tanggungjawab

Sebilangan besar generasi muda kini cenderung bersikap kurang bertanggungjawab terhadap pelajaran, pekerjaan dan tanggungjawab sosial. Sikap malas, bergantung kepada teknologi secara berlebihan dan kurangnya daya juang dalam menghadapi cabaran merupakan antara punca utama masalah ini. Ramai remaja hari ini tidak menyedari peranan mereka sebagai anak, pelajar dan anggota masyarakat. Mereka cenderung mengabaikan tanggungjawab seperti membantu keluarga, menyiapkan tugas sekolah atau menjaga tingkah laku di tempat awam. Sikap sambil lewa ini sering berpunca daripada terlalu dimanjakan, kurang didikan nilai sejak kecil atau ketiadaan bimbingan berterusan daripada ibu bapa dan guru. Apabila remaja tidak dididik untuk bertanggungjawab mereka akan mengambil jalan mudah apabila melakukan kesalahan dan menyalahkan pihak lain apabila berdepan masalah.

4. Pengaruh rakan sebaya, budaya hedonisme dan gejala sosial

Generasi muda sering terpengaruh dengan rakan sebaya yang mempunyai pengaruh negatif. Budaya hedonisme yang menitikberatkan keseronokan dan kebebasan tanpa batasan turut mendorong mereka untuk terlibat dalam aktiviti yang tidak bermoral dan bertentangan dengan nilai-nilai masyarakat. Apabila keseronokan dijadikan matlamat utama hidup, nilai agama, moral dan tanggungjawab diletakkan. Kadar penyertaan generasi muda dalam gejala sosial seperti penyalahgunaan dadah, pergaulan bebas, gengsterisme, dan vandalisme semakin meningkat (Pengarang, 2023). Faktor seperti pengaruh rakan sebaya, kurangnya kawalan ibu bapa, serta tekanan hidup turut menyumbang kepada peningkatan masalah ini. Akibatnya, remaja yang mudah terpengaruh ini berisiko mengabaikan norma dan nilai murni yang sebenarnya diperlukan untuk membentuk peribadi yang berkualiti.

Salah laku generasi muda bukanlah masalah yang boleh dipandang ringan kerana ia memberi kesan jangka panjang kepada pembangunan negara. Oleh itu, kerjasama antara ibu bapa, sekolah, masyarakat, dan pihak berkuasa amat penting bagi memastikan golongan muda dibimbing ke arah jalan yang benar. Jika setiap pihak memainkan peranan masing-masing dengan penuh tanggungjawab, generasi muda hari ini mampu menjadi generasi harapan yang menyumbang secara positif kepada pembangunan negara.

Kesimpulan

Keluarga merupakan tunjang utama dalam pembentukan akhlak generasi muda. Dengan penekanan kepada didikan awal, *qudwah hasanah*, pendidikan agama, komunikasi berkesan, serta pemantauan berterusan ibu bapa dapat memastikan anak-anak mereka membesar menjadi individu yang berakhlak mulia dan bertanggungjawab. Peranan keluarga ini bukan sahaja akan memberi manfaat kepada anak-anak, tetapi juga kepada masyarakat dan negara secara keseluruhannya. Pendidikan Islam yang kukuh, bimbingan berterusan, serta pengawalan terhadap pengaruh luar perlu diperhebatkan bagi memastikan generasi muda membesar sebagai individu yang berdisiplin, bertanggungjawab dan berakhlak mulia. Kajian yang dilakukan ini diharap dapat membantu ibu bapa melihat solusi yang berkesan dapat menyelesaikan masalah pembentukan akhlak generasi kini sekaligus melahirkan anak-anak yang mempunyai pekerti mulia. Dengan usaha yang bersungguh kita dapat membentuk generasi yang lebih baik untuk masa depan negara.

Rujukan

- Abd Majid, M., Azizan, N. I., Mohd Haridi, N. H., Mohamad, N., Usman, A. H., Ismail, Z., & Abdul Rahman, A. H. (2023). Program Pemulihan Akhlak Remaja Delinkuen di Pusat Pemulihan Akhlak Kelolaan Jabatan Penjara Malaysia dan Jabatan Kebajikan Masyarakat. *Jurnal Pengajian Islam*, 16(1), 22–41. <https://doi.org/10.53840/jpi.v16i1.236>
- Abdul, M. A., Azman, M. N. S., Wanbayuree, K., & Ayob, A. (2018). Kesan Perceraian Terhadap Emosi Kanak-Kanak: Kajian Kes Dua Orang Murid Sekolah Rendah Di Ampang, Selangor. In A. Ayob (Ed.), *Himpunan Kajian Kes Dilema Kanak-kanak di Malaysia* (pp. 23–31). NCDRC.
- Abdullah, L. (2022). Ibu Bapa Cermin Terbaik Buat Anak-Anak. *My Metro*. <https://www.hmetro.com.my/addin/2022/05/838662/ibu-bapa-cermin-terbaik-buat-anak-anak>
- Ayub, M. M. B. A. A. @. (2019, November 12). IRSYAD AL-HADITH SIRI KE-433: BALASAN MEMULIAKAN ORANG TUA. *Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan*. <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-al-hadith/3786-irsyad-al-hadith-siri-ke-433-balasan-memuliakan-orang-tua>
- Bohari, M., & Mohd Yusof, F. (2020). Pendidikan Keibubapaan Melalui Santunan Fitrah Nabi Ya'qub A.S Dan Pendekatannya Bagi Menangani Salah Laku Remaja (Parenting Education Through The Prophet Ya'qub Method And His Approaches To Cope With Teenager Misbehaviour). *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 6(3–2), 113–123. <https://doi.org/10.11113/umran2020.6n3-2.426>
- Daud, M. (2021). Ibu Bapa Perlu Pantau Aktiviti Dalam Talian Anak. *BH Online*. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2021/02/783840/ibu-bapa-perlu-pantau-aktiviti-dalam-talian-anak>
- Hamizi, M. A. F. M., & Hamzah, I. S. (2023). Penggunaan Media Sosial Sebagai Media Baharu dan Impaknya Terhadap Masyarakat Malaysia. *Jurnal Perspektif*, 15, 24–37. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol15.sp.3.2023>
- Ismail, W. A. F. W., Mutalib, L. A., Salleh, N. S. S. N., Baharuddin, A. S., Mamat, Z., Husin, S. N. M. S., Alias, M. A. A., & Kahar, N. S. A. (2022). Permasalahan Keruntuhan Akhlak Dalam Kalangan Remaja Muslim Di Malaysia: Isu, Cabaran Dan Cadangan Penyelesaian. *Al-Qanadir: International Journal of Islamic Studies*, 26(2), 47–61. <https://al-qanadir.com/aq/article/view/434>
- Ithnin, H. (2021). Komunikasi Dua Hala. *My Metro*. <https://www.hmetro.com.my/WM/2021/02/676275/komunikasi-dua-hala>
- Jamaluddin, Z., & Kiprawi, I. (2004). Ikatan dan Kawalan Ibu Bapa Terhadap Tingkah Laku Delinkuens. *Seminar Antarabangsa Nilai Dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004)*.
- Jameelah, M., & Hussin, Z. (2023). Perceraian dan Kesannya Terhadap Anak-anak. *Al-Takamul Al-Ma'rifi*, 6(2), 1–13. <http://devojs.usas.edu.my/altakamul/index.php/altakmulfiles/article/view/164>
- Khoir, F. (2022). Pendidikan Akhlaq pada Generasi Milenial di Era Disrupsi. *Al-Aufa: Jurnal Pendidikan Dan Kajian Keislaman*, 4(1), 55–65. <https://doi.org/10.32665/alaufa.v4i1.1221>
- Mohamad, I., & Zailan, N. Z. (2023). Satu Kajian Kes: Mengenalpasti Kesan Komunikasi Ibu Bapa Dengan Anak-Anak Ketika Di Rumah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 12(1), 92–98. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol12.1.9.2023>
- Mohd Haridi, N. H., Mohd Saleh, N., & Mohammad Jodi, K. H. (2019). Penerapan Elemen Kerohanian terhadap Remaja Berisiko di Pertubuhan Kebajikan Darul Islah Malaysia (PERKID). *Online Journal of Research in Islamic Studies*, 6, 87–98.
- Othman, M. K. H., Yusoff, M. Z. M., Rahim, F. A., Puteh, A., Kasa, M. D., & Roslan, N. F.

- (2016). Perspektif Ibu Bapa Terhadap Permasalahan dan Cabaran dalam Pembentukan Nilai Murni Pelajar. *Sains Humanika*, 8(4-2), 9-16. <https://doi.org/https://doi.org/10.11113/sh.v8n4-2.1052>
- Pa&Ma. (2021, September 5). Selalu tengok mak ayah bergaduh, kesan pada emosi anak amat besar. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/gaya-hidup/selalu-tengok-mak-ayah-bergaduh-kesan-pada-emosi-anak-amat-besar-317961>
- Pengarang. (2018). Pentingnya Didikan Agama Kepada Anak. *Media Permata*. <https://mediapermata.com.bn/pentingnya-didikan-agama-kepada-anak/>
- Pengarang. (2023). Selami punca vandalisme remaja, didik tingkah laku positif. *BH Online*. <https://www.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2023/03/1071621/selami-punca-vandalisme-remaja-didik-tingkah-laku-positif>
- Pengarang. (2024). Pengaruh media sosial dalam kehidupan seharian. *BH Online*. https://www.bharian.com.my/wanita/lain-lain/2024/10/1317394/pengaruh-media-sosial-dalam-kehidupan-seharian#google_vignette
- Pengarang. (2025). Pengaruh Rakan Sebaya Bentuk Personaliti dan Pemikiran. *BH Online*. https://www.bharian.com.my/wanita/lain-lain/2025/02/1362774/pengaruh-rakan-sebaya-bentuk-personaliti-dan-pemikiran#google_vignette
- Raffar, I. N. A. Zur, Adnan, S. D. M., Dahalan, N. N. N., Aziz, N. S., Nasir, M. F. M., Jalani, H., & Kadir, N. A. A. (2024). Relationship Between Parental Stress and Islamic Coping Strategies in Managing Children's Education During Covid-19 Pandemic. *AIP Conference Proceedings*, 2991(1). <https://doi.org/10.1063/5.0199375>
- Rahim, N. A. (2023, September 19). Pandu Golongan Remaja Hadapi Cabaran Pengaruh Rakan Sebaya. *BH Online*. <https://www.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2023/09/1154474/pandu-golongan-remaja-hadapi-cabaran-pengaruh-rakan-sebaya>
- Riffin, M. R. A. (2023, September 8). Utama Didikan Agama, Akhlak. *My Metro*. https://www.hmetro.com.my/addin/2023/09/1007472/utama-didikan-agama-akhlak#google_vignette
- Ruzairi, R., & Jasmi, K. A. (2022). Seminar Falsafah Sains dan Ketamadunan. In K. A. Jasmi, A. M. Hassan, & W. H. W. Embong (Eds.), *Akhlak dan Adab Generasi Muda Kini: Vol. Bil 4* (Issue January, pp. 351-358). Akademi Tamadun Islam.
- Salleh, N. H. M. (2024). Peranan Ibu Bapa Paling Utama. *My Metro*. <https://www.hmetro.com.my/rencana/2024/12/1168088/peranan-ibu-bapa-paling-utama>
- Samudin, S. A., & Hanafi, H. (2023). Selaras had umur pesalah muda. *My Metro*. <https://www.hmetro.com.my/rencana/2023/10/1017933/selaras-had-umur-pesalah-muda>
- Suhid, A., & Abah, N. C. (2021). Pendidikan Awal Kanak-Kanak Menurut Perspektif Islam. *Jurnal Al-Ummah*, 3, 141-164.
- Zainudin. (2013). Pendidikan Akhlak Generasi Muda. *Ta'allum: Jurnal Pendidikan Islam*, 1(1), 85-97. <https://doi.org/10.21274/taalum.2013.1.1.85-97>
- Zainun, N., Kusenin, N. S. @, & Aun, N. S. M. (2019). Kesan Penceraian Ke Atas Kanak-Kanak: Perspektif Pekerja Sosial. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 33(3), 67-78. http://scioteca.caf.com/bitstream/handle/123456789/1091/RED2017-Eng-8ene.pdf?sequence=12&isAllowed=y%0Ahttp://dx.doi.org/10.1016/j.regsciurbeco.2008.06.005%0Ahttps://www.researchgate.net/publication/305320484_SISTEM_PEMBETUNGAN_TERPUSAT_STRATEGI_MELESTARI
- Zaki, M. M. M. (2019). Anak Hidup Derita Akibat Penceraian. *My Metro*. <https://www.hmetro.com.my/addin/2019/07/478774/anak-hidup-derita-akibat-perceraian>
- Zur Raffar, I. N. A., Hamjah, S. H., Hasan, A. D., & Dahalan, N. N. N. (2021). Parenting Skills According to The Islamic Perspective Towards Family Well-Being. *Samarah*, 5(2), 552-

578. <https://doi.org/10.22373/sjhg.v5i2.9576>

Zur Raffar, I. N. A., Nik Dahalan, N. N., Mohd Adnan, S. D., Aziz, N. S., Mohd Sehat, R., & Mahat, Z. (2022). Psychological Skills in Parental Education from Islamic Perspectives in Dealing with Social Problem among Adolescent. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(7), 1378–1393. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v12-i7/14230>